

11/07/2003

Asean+3 setuju pantau bersama virus berbahaya

IPOH: Mesyuarat peringkat pakar dan saintis Asean+3, merangkumi 10 negara

Asean dan Jepun, China, Korea, yang berakhir di Pulau Pinang kelmarin, bersetuju mewujudkan satu draf rangkaian kerjasama untuk memantau dan bertindak sebagai satu sistem amaran awal mengenai kemunculan virus berbahaya di rantau ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata pelan tindakan itu akan dikemukakan pada Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Asean+3, sebelum diputuskan pada mesyuarat peringkat menteri kesihatan di Bali, Indonesia, September ini.

"Juruteknik kanan makmal dari 10 negara Asean, China, Korea Selatan dan Jepun telah menyediakan draf perancangan mengenai pewujudan rangkaian itu

pada mesyuarat tiga hari mereka di Pulau Pinang yang berakhir semalam.

"Malaysia telah diamanahkan oleh negara-negara anggota dengan tanggungjawab untuk mengusahakan rangkaian itu yang amat penting sebagai satu sistem pengawasan, terutamanya dengan berlakunya wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) baru-baru ini," katanya.

Chua berkata, draf itu akan menjadi Pelan Tindakan Makmal-makmal Asean+3, jika diterima.

"Rangkaian Asean+3 ini akan digabungkan dengan rangkaian yang sudah diwujudkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Ini bermakna kita berdikari di negara ini dan di rantau kita. Jika kita

mahu kepakaran yang tiada di rantau ini, kita boleh bekerjasama dan mendapat bantuan makmal yang dirangkaikan WHO di seluruh dunia.

"Apabila kuman atau virus baru muncul dan ada penyakit luar biasa maka kita boleh memberikan amaran awal yang boleh membantu doktor dan saintis kita dan rantau ini menghadapi cabaran atau ancaman," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Makmal Kesihatan Awam Ipoh bernilai RM16 juta di Jelapang di sini, semalam.

Sultan Perak, Sultan Azlan Shah menyempurnakan perasmian. Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun, turut berangkat.

Chua berkata, kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad memberi perhatian serius bagi menyediakan kemudahan makmal terbaik

setelah menyedari purata satu virus baru muncul setiap tahun sejak 30 tahun lalu termasuk terbaru virus SARS yang pantas merebak di seluruh dunia.

Malaysia sendiri, katanya, akan membentuk rangkaian terdiri sekurang-kurangnya 12 makmal termasuk bertaraf P3 yang akan dibina menjadi makmal pemantau manakala negara lain akan menghantar senarai makmal mereka kemudian.

Beliau berkata, negara lain yang mempunyai makmal P3 termasuk Jepun,

Thailand, Singapura dan Filipina.

Katanya, satu panel pakar dibentuk bagi memastikan jaminan kualiti makmal disenaraikan dalam Asean+3 berikutan ada negara masih lemah dari segi pemantauan kesihatan awam melalui kemudahan makmal mereka.